

Kerajaan perlu segerakan pengukuran IPU PM2.5

Bacaan lebih tepat

Oleh FARHANA JONI DAN NUR
ATHIRAH NABILAH MUSA

pengarang@jutusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 OKT.

KERAJAAN perlu menyegerakan penggunaan sistem pemantauan pencemaran alam sekitar terkini dan lebih tepat termasuk Indeks Pencemaran Udara (IPU) menerusi pengukuran zarah pada 2.5 mikron (PM2.5) atau lebih kecil daripada ukuran itu.

Pensyarah Fakulti Pengajian Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Ahmad Makmom Abdullah berkata, Malaysia bukan hanya perlu mempunyai sumber pendapatan yang kukuh malahan harus menyediakan sistem pengukuran PM2.5 untuk kemudahan masyarakat.

Katanya, selain Singapura, sistem pengukuran PM2.5 turut digunakan di negara lain, malah terdapat beberapa negara di Eropah memproses IPU dengan pengukuran mikron lebih kecil memandangkan ia berkait rapat dengan keadaan kesihatan masyarakat.

"Kerajaan juga harus mewujudkan standard kualiti udara iaitu menyarankan para pengusaha pelbagai industri di setiap negeri melaporkan penghasilan debu atau habuk dihasilkan di kilang masing-masing kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) setiap hari.

"Langkah itu bagi mendidik para pengusaha mengawal operasi kilang masing-masing tanpa menjejaskan kualiti udara sekali gus bersikap lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar," katanya ketika dihubungi oleh *Utusan Malaysia* di sini, hari ini. Minggu lalu, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar dilaporkan berkata, Malaysia akan menggunakan sepenuhnya alat bacaan IPU yang dapat mengukur zarah pada PM2.5 menjelang penghujung 2016.

Dalam pada itu, Felo Penyelidik Utama Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Joy



JOY JACQUELINE PEREIRA



SHARIFFA SABRINA SYED AKIL



HENRY GOH



Kerajaan perlu menukar sistem IPU bagi memudahkan masyarakat khususnya ibu bapa mengambil langkah berjaga-jaga terhadap anak mereka, terutama bagi paru-paru kanak-kanak yang lebih lemah kepada habuk halus."

JOY JACQUELINE PEREIRA

**Felo Penyelidik Utama
Pusat Kajian Bencana
Asia Tenggara, UKM**

Jacqueline Pereira berpendapat, kerajaan sepatutnya sudah menggunakan PM2.5.

"Buat masa ini, kerajaan hanya menasihatkan orang ramai supaya tidak melakukan aktiviti di luar sedangkan jerebu boleh masuk ke dalam bangunan pejabat atau kediaman kerana zarah-zarah habuk lebih halus daripada pengiraan yang dilaporkan.

"Kerajaan perlu menukar sistem IPU bagi memudahkan masyarakat khususnya ibu bapa mengambil langkah berjaga-jaga terhadap anak mereka, terutama bagi paru-paru kanak-kanak yang lebih lemah kepada habuk halus,"

katanya.

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Sekitar (Peka), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil pula mempersoalkan bagaimana dalam Bajet 2016, kerajaan tidak menyediakan peruntukan melestari dan memulihara alam sekitar termasuk untuk kaedah pengukuran PM2.5.

"Secara peribadi, saya melihat kerajaan tidak memandang serius isu alam sekitar dan lebih mengutamakan perkara lain sedangkan semua sedia maklum kesan buruk atau bencana terhadap alam sekitar boleh menjejaskan kesejahteraan masyarakat dan produktiviti negara," katanya.

Presiden Persatuan Alam Malaysia (MNS), Henry Goh berkata, Malaysia, Indonesia dan Singapura perlu bertindak tegas termasuk undang-undang serta hukuman yang jelas terhadap syarikat yang mengamalkan pembakaran terbuka.

"Selagi tiada undang-undang atau hukuman yang tegas, selagi itu masalah jerebu ini terus berlaku kerana pengusaha syarikat atau ladang beranggapan tindakan mereka membakar tanpa kawalan bukan satu kesalahan selain yakin tiada peraturan yang boleh diambill ke atas mereka," katanya.

Bagi Setiausaha Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar, Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Dr. Noor Azhar Mohamed Shazili, zarah lebih halus lebih berbahaya kerana sekiranya memasuki sel badan, akan menjejaskan tahap kesihatan seseorang.